

15/09/2002

Khalil perjelas cara atasi masalah Puteri

Wan Hazmir Bakar; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, menasihatkan semua ahli Puteri Umno termasuk Raihan Sulaiman yang musykil mengenai kedudukan mereka termasuk kelayakan bertanding jawatan sayap baru parti itu supaya mengemukakan permasalahan kepada Jawatankuasa Pengurusan parti.

Khalil berkata, Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan meneliti permasalahan itu dan jika tiada penyelesaian, ia akan dikemukakan pula kepada Majlis Tertinggi untuk keputusan.

Katanya, Jawatankuasa Pengurusan mempunyai banyak pilihan bagi menyelesaikan permasalahan itu termasuk menangguh mesyuarat bahagian Puteri Umno yang akan bermula esok selama sebulan bagi membuat pencalonan pada pemilihan peringkat kebangsaan pada 2 November depan.

"Saya tak mahu buat apa-apa ramalan atau andaian. Kalau dia nak bertanding atau perlu mendapat penjelasan daripada kita, dia boleh tulis kepada kita," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Beliau diminta menjelaskan isu yang menyelubungi Puteri Umno, termasuk kelayakan Raihan bertanding jawatan ketua serta tuduhan terhadap Ketua Penajanya, Azalina Othman Said, membabitkan isu keahlian dan penyalahgunaan harta milik Puteri Umno.

Khalil juga menjelaskan tidak wujud dua keahlian di kalangan ahli Puteri Umno dan kad keahlian pergerakan itu yang dikeluarkan sebelum ini hanyalah kad sementara bagi tujuan pengiraan ahli ketika kempen keahlian pada peringkat penaja, bukan kad pendaftaran ahli Umno.

"Keahlian Puteri Umno adalah sama dengan keahlian Umno, cuma kategori Puteri saja, tak ada dua senarai," katanya sambil menambah keahlian Puteri Umno kini berjumlah 93,106 manakala cawangan yang boleh bersidang adalah 3,347 buah.

Khalil, bagaimanapun, mengakui berlaku sedikit kekeliruan berhubung mereka yang sudah mendaftar sebagai ahli dalam Wanita Umno sebelum pendaftaran ahli Puteri Umno dibuat.

"Yang timbul pertanyaan ialah mereka yang dulu dalam Wanita tetapi kita beri pilihan sama ada kekal dalam Wanita atau menjadi Puteri...tetapi ini tidak bermakna kita menghadapi masalah kerana pendaftaran kita satu saja," katanya.

Mengenai kemungkinan lebih banyak laporan polis seperti yang dibuat Elly @ Zalilah Yusof berhubung dakwaan penyelewengan harta pergerakan itu, akan dibuat ahli Puteri Umno, Khalil berkata sebarang perkara yang ada hubung kait dengan parti selok-eloknya dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan.

Katanya, walaupun tindakan membuat laporan polis adalah hak individu, anggota Puteri Umno sepatutnya menunjukkan semangat kekitaan terhadap pergerakan itu dengan menyelesaikan permasalahan menerusi saluran parti.

"Jangan tuduh menuduh, buat aduan atau apa-apa, tulis dan berurusan dengan Jawatankuasa Pengurusan melalui pejabat Setiausaha Agung," katanya.

Khalil juga berkata, MT Umno akan mengadakan mesyuarat khas pada 30 September ini bagi membincangkan pelbagai perkara.

Tanpa mahu menjelaskan perkara itu, Khalil berkata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin menyentuh mengenai hasratnya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang kerana ada pihak yang membangkitkan bahawa keputusan itu tidak dirujuk kepada MT.

"Kita bersetuju dengan pendapat Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun

Razak, bahawa kita menghormati keputusan Presiden sendiri yang diumumkan di Kedah...tetapi apa yang penting Perdana Menteri juga menyebut beliau akan tetap memastikan sumbangan beliau kepada Umno," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen Gaya, Sabah, Khalil berkata, itu terpulang kepada Dr Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) untuk menentukan calon parti komponen BN yang akan bertanding.